

Noor Mohamad  
Shakil Hameed**HARIAN METRO**

Laporan Channel News Asia baru-baru ini mendedahkan kawasan Asia Tenggara kini semakin menjadi sasaran kegiatan pedofilia. Kemudahan platform tontonan secara langsung dan aliran transaksi bayaran digital yang hampir sukar dikesan dikatakan antara faktor utama kegiatan pedofilia ini semakin berleluasa di Asia Tenggara. Keadaan dilihat semakin parah apabila adanya masalah seperti kemiskinan dan kelemahan undang-undang serta sistem kehakiman yang membelenggu negara seperti Thailand, Kembal, Vietnam, Laos dan Filipina.

Secara umumnya, pedofilia adalah satu orientasi seksual di mana seseorang itu mempunyai nafsu seksual terhadap kanak-kanak bawah umur. Pedofilia boleh dijelaskan sebagai keinginan seseorang untuk memenuhi nafsu seksual melibatkan kanak-kanak dan seringkali pedofilia datang daripada golongan lelaki dewasa yang tertarik dengan kanak-kanak lelaki mahupun perempuan secara seksual. Meskipun seseorang itu hanya mempunyai keinginan seksual terhadap kanak-kanak, walaupun tanpa menyentuh mereka, dia masih dianggap sebagai pedofilia. Walaupun di negara kita jarang didebakkan isu pedofilia, tetapi berdasarkan tafsiran dan juga kes yang pernah berlaku sebelum ini boleh dikatakan ia sangat berkait rapat dengan kegiatan pedofilia.

Kes penculikan serta jenayah rogol dan penderaan seksual kanak-kanak yang dilaporkan di negara kita selama ini perlu dilihat juga dalam konteks kegiatan pedofilia. Hal ini kerana masyarakat seolah-olah tidak menyadari kes seumpama ini berkait rapat dengan pedofilia. Mana mungkin kita melupakan kes membabitkan Nurin Jazlin Jazimin, kanak-kanak berusia lapan tahun yang dibunuhan kejam, serta menjadi mangsa penderaan seksual yang menggemparkan negara pada 2007. Mangsa diculik dan mayatnya dijumpai dalam keadaan menyayat hati, dalam sebuah beg sukan tidak berpakaian dan kedua-dua kakinya dilipat ke dada, sebelum disumbat dalam beg berkenaan. Hasil bedah siasat mendapat pembunuhan yang zalim dan kejam ini menderanya secara seksual, menjadi punca kematiannya. Malah, untuk rekod kertas siasatan kes ini masih dibuka.

Kes penculikan kanak-kanak di negara kita boleh dikatakan sentiasa berlaku dan hakikatnya tidak semua yang diculik itu dapat ditemukan atau diselamatkan. Kebanyakan kes culik dan hilang ini membabitkan remaja dan kanak-kanak berusia bawah 18 tahun. Keadaan mangsa yang belum ditemui itu terus menimbulkan persoalan dan tanda

## Usaha tangani pedofilia

tanya dalam kalangan anggota keluarga dan masyarakat. Justeru, kita tidak boleh ambil mudah ancaman kegiatan pedofilia ini. Pelaku ini ada di sekeliling kita dan sentiasa menunggu peluang untuk bertindak memuaskan nafsu serakahnya. Jadi semua pihak perlu bekerjasama memikul tanggungjawab menangani kegiatan pedofilia ini dari terus mengancam anak-anak kita. Jangan ingat ini hanya tugas pihak berkuasa semata-mata, sebaliknya kita perlu membantu supaya dapat mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya sekali gus melindungi anak-anak kita daripada menjadi mangsa pedofilia.

Keadaan sekarang cukup membimbangkan kerana anak-anak terdedah dalam media sosial yang sekali gus memudahkan kerja pemangsa mencari sasaran di samping kecuaian ibu bapa menjaga keselamatan anak-anak sehingga menjadi mangsa penculikan. Maka, kita harap ibu bapa sebagai individu yang paling rapat dan bertanggungjawab dapat mengambil langkah sewajarnya. Antara langkah berjaga-jaga yang boleh diambil ibu bapa terutama ketika menggunakan laman sosial ialah jangan memuat naik gambar

anak-anak kita yang tidak berpakaian atau berpakaian tidak sopan sama ada lelaki mahupun perempuan. Ini tarikan golongan pedofilia. Walaupun niat kita lebih kepada suka-suka dan anak kelihatan comel tetapi sedarlah ada saja mata-mata yang sentiasa memerhatikan perkara seperti ini. Jadi pakaikan anak-anak pakaian yang tidak begitu menonjol dan sopan serta seboleh-bolehnya elak memuat naik dalam laman sosial.

Satu lagi kesilapan mudah kita ialah terlalu teruja sehingga ingin memberitahu semua orang lokasi beradanya anak kita seperti sekolah dan sebagainya. Maklumat seperti ini sebenarnya akan membantu pemangsa untuk merancang strategi penculikan kerana mereka sudah ada lokasi dan jadual rutin anak kita. Dalam konteks ini, jangan juga membiarkan anak-anak terutamanya yang bawah umur pergi ke mana-mana seorang diri atau tanpa pengawasan orang dewasa yang dipercayai.

Pada masa sama, ibu bapa juga wajib mendidik anak-anak mengenai beberapa perkara sensitif supaya mereka tahu itu perbuatan salah. Antaranya, latih anak-anak untuk tidak membenarkan sesiapa saja menyentuh mana-mana bahagian

anggota badan dengan sengaja terutama kemaluannya. Ini penting kerana kita khawatir anak-anak tidak sedar itu perbuatan yang tidak baik. Satu lagi pengajaran penting juga ialah, jangan membiasakan anak-anak duduk di atas riba sesiapa saja, lebih-lebih lagi seorang lelaki terutama orang yang tidak dikenali atau bukan saudara-mara rapat kita. Ibu bapa juga perlu sentiasa mewujudkan sistem komunikasi yang baik dengan anak-anak di samping prihatin tentang sebarang perubahan terutama dari segi sikap dan tingkah laku. Berikan perhatian sekiranya anak-anak tidak berasa selesa atau takut berada dekat dengan seseorang dan jika mereka secara tiba-tiba murung apabila mendekati seseorang.

Anggota masyarakat juga perlu memainkan peranan supaya dapat membantu menangani kegiatan pedofilia ini. Dalam konteks ini, tidak salah untuk kita menjaga tepi kain orang asalkan berniat baik dan ingin membantu. Paling mudah jika mendapat ada individu yang tidak dikenali dan mencurigakan di lokasi berhampiran kanak-kanak, kita perlu bertindak segera melaporkan kepada pihak berkenaan. Keprihatinan dan tindakan segera

kita boleh menyelamatkan kanak-kanak daripada menjadi mangsa penculikan dan juga kegiatan pedofilia.

Semua pihak perlu sedar kanak-kanak yang menjadi mangsa serangan seksual mungkin akan mengalami trauma seumur hidup. Perkara ini juga boleh membawa kepada kemurungan, keimbangan, masalah tekanan yang kuat serta boleh melemahkan daya keyakinan diri dalam kalangan kanak-kanak ini. Jadi kita perlu memberi perhatian serius kepada aspek Pencegahan, sebelum nasi menjadi bubur. Dan jika ada anak-anak yang didapati menjadi mangsa penderaan seksual, ibu bapa perlu memberikan perhatian serius supaya dapat membimbing mereka untuk keluar daripada trauma yang mereka alami.

Secara prinsipnya keselamatan anak-anak tanggungjawab ibu bapa, masyarakat dan pihak berkuasa. Marilah kita hentikan sebarang bentuk jenayah, serangan dan penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Dan jangan sesekali membuka ruang kepada golongan pedofilia dan penculik mengambil kesempatan atas kelemahan dan kecuaian kita sendiri. Ingat, sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tiada berguna.

**Penulis Timbalan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia**

Oleh Juragan

### Dialog Kotaraya

